

Maklumat kanser

UPM terbitkan dalam bahasa Melayu

KANSER adalah penyakit yang amat ditakuti. Walaupun datangnya tidak pernah diundang, namun keda-tangannya boleh membawa maut. Penyakit maut ini boleh diubati sekiranya dikesan lebih awal, tetapi boleh membawa kepada kematian apabila ia tidak lagi boleh dikawal.

Dalam beberapa dekad ini, telah banyak usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak untuk membangkitkan kesedaran kepada semua masyarakat mengenai penyakit ini.

Telah banyak juga tenaga dan wang ringgit yang dicurahkan semata-mata untuk penyelidikan dan membangkitkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai penyakit merbahaya ini.

Kanser bukan sahaja menyerang wanita, ia juga menyentuh kaum lelaki yang sering kali terlupa atau tidak mengendahkan kesihatan mereka.

Banyak juga bahan-bahan bacaan yang diterbitkan khusus untuk memberi bacaan dan pengetahuan mengenai penyakit ini.

Namun, mungkin seikit terbatas pengetahuan dan maklumat yang ingin disampaikan nemandangkan ia diterbitkan di dalam bahasa Inggeris dan penggunaan 'bahasa kedoktoran' yang nyata.

Baru-baru ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Cornell University, Amerika Syarikat (AS) telah mengajukan projek inisiatif pendidikan sosial mengenai kanser.

Projek yang menghubungkan dua universiti ini, turut membabitkan agensi-agensi lain seperti Persatuan Kanser Amerika (ACS), Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan Persatuan Barah Malaysia.

Tujuan projek ialah untuk mengadaptasi dan menerjemah bahan-bahan pendidikan yang telah diterbitkan oleh ACS mengenai kanser ke dalam bahasa Melayu.

Adaptasi dan terjemahan mengambil kira kesesuaian bahan untuk digunakan di negara ini.

Penterjemahan dilakukan adalah untuk menyebarkan bahan yang diterjemah supaya ramai masyarakat di negara ini dapat mengakses kepada bahan-bahan pendidikan tersebut.

Dalam pada itu, projek tersebut bertujuan untuk menjalankan penyelidikan mengenai isu yang berait rapat dengan proses-proses penterjemahan, menyebarkan, program latihan dan isu-isu sosial mengenai wanita dan kanser payu dara di Malaysia.

Kebanyakan aktiviti dilaksanakan secara kerama-berpaksi kepada falsafah dan semangat ukarelawan.

Lima bahan adaptasi tersebut ialah *Soal Jawab*



Penterjemahan dilakukan adalah untuk menyebarkan bahan yang diterjemah supaya ramai masyarakat di negara ini dapat mengakses kepada bahan-bahan

Tentang Kanser Payu Dara, Lumpektomi: Panduan Untuk Pesakit, Mastektomi: Panduan Untuk Pesakit, Memahami Kemoterapi: Panduan Untuk Pesakit dan Keluarga dan Untuk Wanita Yang Menghadip Kanser Payu Dara. Lima lagi bahan dijangka akan diterjemahkan tidak lama lagi.

Bahan-bahan baru yang dicetak tidak lama lagi boleh didapati daripada Persatuan Barah Malaysia dan akan diedarkan kepada orang awam secara percuma.

Maklumat

Menurut Naib Canselor UPM, **Datuk Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardaie**, bahan-bahan yang diterbitkan ini diharap dapat memberi panduan apa yang diperlukan apabila seseorang menghadip kanser payu dara.

Buku-buku kecil ini katanya, mengandungi maklumat asas mengenai kanser payu dara dan tatacara rawatan yang terutamanya untuk dimanfaatkan oleh golongan wanita, kaum keluar-ganya, penyelidikan dan mereka yang berkaitan dengan penyakit berkenaan.

"Maklumat yang diperoleh diharap akan dapat menerangkan perkara yang kurang diketahui sebelumnya dan akan dapat meningkatkan keyakinan diri dan keupayaan menangani apa sahaja yang dihadapi," kata-

nya. Beliau berkata demikian pada majlis Pelancaran Bahan Pendidikan Kanser dan Menandatangani MoU di antara UPM dengan Cornell University, Persatuan Penterjemah untuk projek berkenaan.

Projek itu telah diresmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Suleiman Mohamed.

Hadir sama ialah wakil daripada Cornell University, Profesor Dr. Caffarella, Presiden Persatuan Penterjemah Malaysia, Profesor Dr. Abdullah Hassan dan Presiden Persatuan Barah Malaysia, Datuk Dr. S.K Dharmalingam.

Mohd. Zohadie berkata, projek berkenaan yang mendapat peruntukan (*grant*) daripada negara ini dan Cornell University, merupakan julung kali dilakukan oleh UPM dengan Cornell University. Adalah dianggarkan projek yang menelan belanja AS\$150,000 (RM570,000) akan disiapkan dalam tempoh lima tahun.

Di UPM penyelidikan mengenai kanser akan dilakukan di Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (Pekka).

Mohd. Zohadie berkata, fenomena kanser di negara ini semakin membimbangkan.

Berdasarkan kes-kes yang didaftarkan oleh Bahagian Pendaftar Barah Kebangsaan mendapati pada tahun 2002 kira-kira 26,000 kes kanser telah dilaporkan berlaku di Semenanjung Malaysia.



DUA kakitangan UPM menunjukkan lima buku kecil tentang kanser yang telah diadaptasi dan diterjemah ke dalam bahasa Melayu.

Adalah dianggarkan kira-kira 10,000 kes penyakit kanser tidak dilaporkan.

Dari segi perangkaan mendapati seorang rakyat Malaysia dari setiap empat orang dijangka akan dijangkiti penyakit maut itu.

Laporan itu juga menyatakan nisbah lelaki dan wanita yang mengalami penyakit itu ialah 1:1.2.

"Pada tahun lalu, kanser yang paling utama menyerang kaum lelaki ialah kanser paru-paru ia-

itu 14 peratus manakala kaum wanita banyak mengalami kanser payu dara.

"Bagi kaum wanita menunjukkan sebanyak 30.4 peratus adalah penghidap yang baru," katanya.

Lain-lain jenis kanser yang menyerang kaum lelaki ialah nasopharynx, usus, leukemia dan rektum, manakala selain kanser payu dara, lain-lain jenis kanser yang dialami oleh kaum wanita ialah kanser pangkal rahim, usus dan ovarи.